

## **PELAKSANAAN TINDAKAN TATATERTIB PENGIKTIRAFAN TARAF BUMIPUTERA**

1. Berdasarkan **Pekeliling Perbendaharaan PK1.1: Punca Kuasa, Prinsip dan Kategori Perolehan Kerajaan dibawah Para 12.6** di mana pihak berkuasa bagi menilai dan memberi Sijil Taraf Bumiputera (STB) kepada kontraktor kerja yang layak serta mengambil tindakan tatatertib terhadap kontraktor Bumiputera yang melanggar sebarang syarat yang berhubung kait dengan pemberian taraf Bumiputera tersebut ialah Pusat Khidmat Kontraktor (PKK), Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) atau mana-mana agensi yang ditetapkan oleh Kerajaan dari semasa ke semasa.
2. Tindakan tatatertib ke atas kontraktor adalah terpakai ke atas Sijil Taraf Bumiputera (STB) sahaja bagi kesalahan seperti di bawah:

BIL.	JENIS KESALAHAN	TINDAKAN TATETERIB
1.	<b>Pemalsuan / Menyembunyikan Maklumat Bagi Tujuan Memperoleh Pengiktirafan Taraf Bumiputera</b>	Tarik Balik STB dan tidak dibenarkan membuat permohonan baharu selama satu (1) tahun
2.	<b>Mbenarkan Sijil Taraf Bumiputera Digunakan Oleh Individu/ Syarikat Lain</b>	Gantung STB dua (2) tahun
3.	<b>Gagal Mematuhi Syarat Pengiktirafan Taraf Bumiputera</b>	Amaran/ Notis Tunjuk Sebab dan Gantung STB 2 tahun atau sehingga mematuhi syarat-syarat taraf Bumiputera (yang mana terdahulu)
4.	<b>Pemalsuan / Penyalahgunaan Dokumentasi Bagi Tujuan Menyertai Tender / Sebutharga</b>	Gantung pendaftaran STB dua (2) tahun selaras dengan penggantungan SPKK

BIL.	JENIS KESALAHAN	TINDAKAN TATATERTIB
5.	<b>Menarik Diri Ketika Proses Tender dan Penawaran Kontrak</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>i) Menarik diri sebelum keputusan perolehan</li> <li>ii) Menarik diri setelah kontrak ditawarkan</li> </ul>	Gantung pendaftaran STB satu (1) tahun selaras dengan penggantungan SPKK  Gantung pendaftaran STB dua (2) tahun selaras dengan penggantungan SPKK
6.	<b>Sub-kontrak atau Assignment</b>	Gantung pendaftaran STB dua (2) tahun selaras dengan penggantungan SPKK
7.	<b>Gagal Mematuhi Obligasi Kontrak</b>	Amaran
8.	<b>Melanggar Syarat Penggantungan Pendaftaran STB</b>	Tarik Balik STB dan Lembaga Pengarah/ Pemilik Syarikat disenarai hitam bagi tempoh tiga (3) tahun.  <b>Nota:</b> Permohonan pendaftaran baru oleh Lembaga Pengarah/ Pemilik Syarikat hanya boleh dibuat/ dipohon setelah tamat tempoh hukuman yang ditetapkan.
9.	<b>Kesalahan Jenayah dan Sivil</b>	Tarik balik STB dan disenarai hitam jika syarikat disabitkan dan jika individu/ Ahli Lembaga Pengarah/ Pemegang saham masih dalam syarikat  <b>Nota:</b> Permohonan baharu hanya boleh dibuat selepas tamat tempoh hukuman yang disabitkan oleh Mahkamah

BIL.	JENIS KESALAHAN	TINDAKAN TATATERTIB
10.	<b>Judgement Debtor / Bankrap / Insolvensi / Receivership / Liquidation</b>	<p>Tarik balik STB</p> <p><b>Nota:</b></p> <p>Permohonan baharu oleh Ahli Lembaga Pengarah/ Pemilik Syarikat/ Pemegang Saham hanya boleh dibuat setelah:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(i) Tuntutan tanggungan sivil diselesaikan (bagi kes <i>Judgement Debtor</i>);</li> <li>(ii) Mahkamah membebaskan (<i>discharge</i>) daripada kebankrapan (bagi kes <i>Bankrap / Insolvensi</i>); atau;</li> <li>(iii) Perintah menerima (<i>receivership</i>) atau pelikuidasi tamat/ selesai (bagi kes Syarikat yang diletakkan di bawah Penerimaan (<i>Receivership</i>) atau Pelikuidasi (<i>Liquidation</i>))</li> </ul>
11.	<b>Gagal Membayar Balik Pinjaman Skim Kumpulan Wang Amanah Kontraktor</b>	<p>Tarik balik STB</p> <p><b>Nota:</b></p> <p>Permohonan baharu boleh dibuat setelah bayaran balik pinjaman SKWAK diselesaikan</p>
12.	<b>Sub Kontrak Di Luar Had Yang Ditetapkan</b>	<p>Gantung STB hingga projek siap</p> <p><b>Nota:</b></p> <p>STB dikeluarkan bagi projek semasa sahaja. Pelepasan tindakan tatatertib hanya boleh dipertimbangkan selepas syarikat mengemukakan perakuan Siap Kerja bagi projek yang berkenaan</p>

BIL.	JENIS KESALAHAN	TINDAKAN TATATERTIB
13.	<p><b>Penamatan Kontrak Bagi Tender / Sebutharga</b></p> <p>Penamatan kontrak bagi kerja yang dipanggil secara:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i) Tender</li> <li>ii) Sebutharga/ <i>requisition</i> (undi)</li> </ul>	<p>Gantung pendaftaran STB dua (2) tahun selaras dengan penggantungan SPKK</p> <p>Gantung pendaftaran STB satu (1) tahun selaras dengan penggantungan SPKK</p>
14.	<p><b>Gagal Mematuhi Syarat Pengiktirafan Taraf Bumiputera Selepas Kelulusan STB Diberikan</b></p> <p>Syarikat didapati</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i) Tidak memenuhi syarat-syarat pengiktirafan taraf Bumiputera yang ditetapkan di dalam Surat Arahann PKK Bil. 1/2023 selepas kelulusan STB diberikan (Contoh: syarikat dikuasai bukan Bumiputera)</li> <li>ii) Tidak memenuhi syarat-syarat pengiktirafan taraf Bumiputera yang ditetapkan di dalam Surat Arahann PKK Bil. 1/2023 selepas kelulusan STB secara bersyarat diberikan bagi keadaan tertentu (Contoh: kelulusan bersyarat dalam tempoh PKP)</li> </ul>	<p>Tarik Balik STB</p> <p><b>Nota:</b> Permohonan baharu boleh dibuat selepas dua (2) tahun</p> <p>Tarik Balik STB</p> <p><b>Nota:</b> Permohonan baharu boleh dibuat setelah syarat-syarat taraf Bumiputera dipatuhi</p>

BIL.	JENIS KESALAHAN	TINDAKAN TATATERIB
15.	<b>Gagal Memberikan Kerjasama Di Dalam Urusan Pengiktirafan Taraf Bumiputera</b>	Gantung STB dua (2) tahun